**JABATAN PENDIDIKAN PERAK**
JALAN TUN ABDUL RAZAK,
30640 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.

*Telefon : 05-501 5000 Faks : 05-527 7273*
*portal : http//www.pendidikanperak.gov.my*

Ruj. Kami: J.Pel.PK. (KOKU) 4531/4 Jld. 14 ( 32 )
Tarikh: 2 Syaaban 1439H
19 April 2018

**Pengetua,**
**Sekolah-sekolah seluruh negeri Perak.**

Tuan,

**JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI SAYEMBARA PENYAMPAIAN SYAIR 4 ZON PERINGKAT KEBANGSAAN 2018**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk. Surat JWN. WTK. 100 – 8/1/19 bertarikh 19 Mac 2018 adalah berkaitan.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Bahagian Warisan Tidak Ketara, Jabatan Warisan Negara (JWN) akan menganjurkan Sayembara Deklamasi Syair 4 Zon Peringkat Kebangsaan yang melibatkan pelajar sekolah menengah pada ketetapan seperti berikut :

| | |
|---|---|
| **Tarikh** | **: 22 September 2018 (Sabtu)** |
| **Masa** | **: 8.00 pagi** |
| **Tempat** | **: Universiti Pendidikan Sultan Idris Shah (UPSI)<br>35900 Tanjung Malim, Perak** |

3. Sehubungan dengan itu, pelajar-pelajar sekolah menengah dijemput untuk menyertai sayembara tersebut dengan mengisi borang penyertaan yang dilampirkan atau dengan menghubungi pihak urus setia, Puan Nurul Azreen Amirludin di talian 03-26044932/0123001954 dan Encik Ahmad Asyriq bin Abu Kassim di talian 03-26044929/01131551006 Syarat-syarat pertandingan adalah seperti dalam lampiran.

4. Walau bagaimanapun, penglibatan murid sekolah adalah tertakluk di bawah **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9/2004 Ruj. KP(BS)8691/Jld.XVII/(9) bertarikh 16 September 2004 – Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.**

5. Bersama-sama ini dilampirkan kertas makluman berkaitan untuk rujukan dan tindakan selanjutnya. Sebarang pertanyaan, hubungi **Dr. Adlan bin Mohamed Yusof (JPN Perak)** di talian 012-5404393/05-5015151.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(HAJI MAT JAAFAR BIN MAT ZAIN, PPT.)**
Ketua Sektor,
Sektor Pembangunan Kemanusiaan,
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.

s.k. 1. Pengarah Pendidikan Negeri Perak
2. Pegawai Pendidikan Daerah Seluruh Negeri Perak

# Sayembara Penyampaian Syair 4 Zon

**Utara, Tengah, Timur dan Selatan (September hingga Oktober 2018)**



**HADIAH-HADIAH LUMAYAN MENANTI PEMENANG**

**Peringkat Akhir**
**4 November 2018, Ahad**
**MaTiC, Ampang**

1 — Wang Tunai RM1000, hadiah iringan dan sijil penyertaan

2 — Wang Tunai RM800, hadiah iringan dan sijil penyertaan

3 — Wang Tunai RM500, hadiah iringan dan sijil penyertaan

**SYARAT PERTANDINGAN**

- ✓ Sayembara ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah (15 tahun ke atas), IPT awam dan swasta, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), pengiat seni dan orang awam warganegara Malaysia.
- ✓ Penyertaan adalah secara terbuka atau melalui pencalonan daripada pihak sekolah/ipta/ipts persatuan/kementerian/jabatan/agensi.
- ✓ Peserta boleh memilih untuk menyertai Sayembara dimana-mana zon yang telah ditetapkan iaitu Zon Utara (8 September 2018), Zon Tengah (22 September 2018), Zon Timur (6 Oktober 2018) dan Zon Selatan (20 Oktober 2018). Peserta yang berjaya saringan di peringkat zon akan mewakili zon masing-masing ke peringkat akhir.
- ✓ Peserta dikehendaki memilih salah satu judul /teks syair yang disenaraikan oleh urus setia pertandingan dan menyampaikannya dalam salah satu daripada 9 irama berikut:
  **1.Irama Selendang Delima 2. Irama Dodoi 3. Irama Batu Belah 4. Irama Narasi 5. Irama Hiasan 6. Irama Siti Zubaidah 7. Irama Perindu 8. Irama Mayang 9. Irama Dandan Setia**
- ✓ Tempoh persembahan adalah antara 4 – 5 minit. Persembahan yang melebihi 5 minit tidak akan diambil kira iaitu selepas loceng dibunyikan.
- ✓ Peserta digalakkan menghafal syair yang disampaikan meskipun dibenarkan membawa teks syair semasa persembahan. Markah akan dipotong sekiranya peserta melihat teks syair secara berterusan.
- ✓ Peserta dikehendaki menyampaikan syair dengan iringan muzik yang akan disediakan oleh pihak penganjur.
- ✓ Para peserta boleh memuat turun irama dan teks syair untuk latihan kendiri di laman sesawang www.heritage.gov.my
- ✓ **Keputusan hakim adalah muktamad.**

**Tarikh tutup penyertaan:**

Zon Utara
31 Ogos 2018
Zon Tengah
19 September 2018
Zon Timur
3 Oktober 2018
Zon Selatan

WARISAN

JABATAN WARISAN NEGARA
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

Hubungi urus setia untuk maklumat lanjut:
Urus Setia Sayembara Penyampaian Syair 4 Zon
BAHAGIAN WARISAN TIDAK KETARA, JABATAN WARISAN NEGARA
Blok B, Bangunan Sultan Abdul Samad,
Jalan Raja,
50050 Kuala Lumpur.
Tel : 03-26044800 ext 4929/4932 / 012-300 1954 (hp) (azreen/asriq)
E-mel : azreen@heritage.gov.my
Website : www.heritage.gov.my

## BORANG PENYERTAAN SAYEMBARA PENYAMPAIAN SYAIR 4 ZON

*Sila isi borang ini dan emel atau pos ke pihak urus setia

**1. Butiran sekolah/institusi/kementerian/jabatan/persatuan/NGO**

Nama

Alamat

No. Telefon

E-mel

**2. Butiran Peserta**

Nama Penuh

Umur

No. KP

Alamat

No. Telefon

E-mel

Nama Ibu/Bapa/Penjaga

Judul/Irama Syair

**3. Butiran Guru Pengiring (Sekolah/IPT)**

Nama Pengiring

No. Kad Pengenalan

No. Telefon

E-mel

**4. Pengesahan**

Dengan ini saya bersetuju dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak urus setia bagi menyertai Sayembara Penyampaian Syair 4 Zon.

Tandatangan : ____________________